

07 NOV 1996

Langkawi-Tarikan

LANGKAWI TERKENAL BUKAN KERANA POLITIK DAN WANG

LANGKAWI, 7 Nov (Bernama) -- Langkawi mempunyai pelbagai tarikan tersendiri dan sewajarnya tidak dibandingkan dengan destinasi pelancongan lain di rantau ini seperti Phuket, Haadyai dan Bali.

Pegawai Daerah Haji Ismail Hamid hari ini berkata sebagai sebuah destinasi pelancongan "muda" berbanding dengan ketiga-tiga tempat itu, Langkawi masih boleh dianggap begitu menonjol.

Katanya ini terbukti dengan bilangan pelancong ke sini yang mencecah 1.8 juta orang tahun lepas.

"Kita mempunyai tarikan tersendiri dan banyak pula serta tidak hanya bertumpu kepada pantai seperti di ketiga-tiga tempat itu.

"Langkawi tidak bergantung kepada kekuatan politik dan wang untuk popular dan kita akan buktikan bahawa sememangnya pulau ini menarik," katanya sebagai mengulas sebuah rencana dalam ASIAN Business bahawa Langkawi bergantung semata-mata kepada politik dan wang untuk menjadi seperti sekarang.

Rencana itu yang disiarkan dalam edisi bulan lepas membandingkan pulau bebas cukai ini dengan Phuket, Haadyai dan Bali.

Walaupun ia tidak menggunakan ayat yang berterus-terang, namun kekuatan politik dan wang yang dimaksudkan rencana itu boleh ditaksirkan sebagai perhatian lebih yang diberikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap pembangunan Langkawi.

Sejak diisytiharkan sebagai pulau bebas cukai pada tahun 1987, kira-kira RM4.5 bilion telah dilaburkan di sini untuk pelbagai projek pembangunan, termasuk RM3.5 bilion oleh sektor swasta.

Ia antara lain merangkumi pembinaan hampir 100 buah hotel dan chalet yang menyediakan bilik berharga semurah RM30 semalam hingga ke RM5,000, taman bertemakan air berbumbung, lanskap mengenai sejarah Langkawi sebesar tiga padang bola dan lapangan terbang yang boleh menerima pendaratan pesawat Boeing 747.

Ismail menyifatkan rencana itu sebagai usaha merendah-rendahkan imej Langkawi yang kini semakin popular bukan sahaja di kalangan penduduk rantau ini malahan sehingga ke Eropah.

Beliau berkata selain daripada kelebihan semulajadi dan produk pelancongan yang menarik, Langkawi menjadi kegemaran kerana ia mudah dilawati. -- BERNAMA

ZAA AKD